

09/12/1997

Pemimpin runding isu mata wang

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin negara Asean dijangka membincangkan isu kejatuhan nilai mata wang dan langkah menanganinya pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean, mulai 14 hingga 16 Disember ini.

Perbincangan mengenai topik itu dijangka diperhebat dengan kehadiran Menteri Ekonomi dari negara anggota.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, berkata selain membincangkan isu kejatuhan nilai mata wang, Sidang Ketua Negara/Ketua Kerajaan Asean Kedua akan turut menyentuh aspek globalisasi dan kesannya selain perkara lain yang membabitkan kepentingan bersama.

Menurutnya, Menteri Kewangan Asean akan mengemukakan laporan bertulis mengenai globalisasi dan kesannya, kepada ketua kerajaan negara anggota.

Beliau berkata, sidang kemuncak kali ini lebih istimewa kerana ia dianjurkan bersempena sambutan 30 tahun memperingati penubuhan Asean. Untuk itu, sidang ini juga dikenali Sidang Kemuncak Memperingati Asean.

"Perhimpunan pemimpin ini menjadi lebih bermakna kerana ia akan turut dihadiri tiga pemimpin negara besar ekonomi Asia Tenggara iaitu Presiden China, Jiang Zemin; Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto; dan Perdana Menteri Korea Selatan.

"Berikutan itu, empat mesyuarat akan diadakan bersama pemimpin negara ini iaitu Sidang Kemuncak Campur Tiga iaitu perbincangan bersama negara Asean dengan Jepun, China dan Korea dan tiga mesyuarat Sidang Kemuncak Campur Satu iaitu mesyuarat satu dengan satu - Asean-Jepun, Asean-China dan Asean-Korea," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Abdul Kadir berkata, dalam Sidang Kemuncak Plus 3, negara terbabit akan membincangkan mengenai pembangunan dan kemajuan Asia menjelang abad ke-21, kerjasama ekonomi selain pelbagai isu global, termasuk Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) yang akan berlangsung pada April 1998.

Perkara yang sama, katanya, akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam perjumpaan satu dengan satu negara Asean dengan Jepun, China dan Korea.

"Satu kenyataan bersama akan dikeluarkan bagi setiap perjumpaan ini dan ia akan disampaikan pada sidang akhbar bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 3 petang, 16 Disember," katanya.

(END)